

08/07/2001

KBS, SGF, MOM dan persatuan sukan kebangsaan usah jadi boneka

Razali Yahya

BERMULA hari ini, maka genaplah dua bulan lagi temasya Sukan Sea XXI akan berlangsung pada 8 hingga 17 September depan di bumi bertuah, Kuala Lumpur. Untuk itu, sebagai tuah rumah, jangka masa dua bulan terakhir ini adalah kesempatan terbaik untuk memastikan semua persiapan berjalan lancar agar temasya berprestij di rantau ini dapat dilaksanakan dengan jayanya serta penuh gilang-gemilang.

Kita memang akui, pihak-pihak terbabit bermula daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Persekutuan Sukan Sea (SGF), Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Majlis Sukan Negara (MSN) sehinggalah kepada persatuan sukan kebangsaan, pasti menggunakan tempoh terakhir ini untuk memperkemaskan mana-mana yang belum selesai dapat dibereskan mengikut jadual.

Begitupun, gahnya Sukan Sea iaitu temasya paling berprestij bagi negara-negara yang berpayung di bawah Asean, sebenarnya belum berupaya 100 peratus mewujudkan semangat setiakawan serantau seperti yang terkandung dalam piagam badan berkenaan. Pelbagai perkara dari isu politik, ekonomi, sosial sehinggalah kepada sukan, kesepakatan serantau sesama negara anggota masih ada sifat syak wasangka yang sehingga kini belum berjaya sepenuhnya dapat melahirkan kekuatan jitu atas nama Asean. Pun begitu, kita tetap berbangga pemimpin tertinggi negara-negara terbabit masih mampu duduk semeja untuk menyelesaikan beberapa masalah besar serta mencari kesepakatan demi memelihara keharmonian rantau ini.

Pertembungan bercanggah terutama di arena politik serantau sepatutnya tidak boleh dibiarkan berpanjangan tetapi harus diselesaikan mengikut lunas-lunas semangat setiakawan serantau. Justeru, ketegangan yang sememangnya wujud di rantau ini harus dikendurkan dengan menjadikan sukan sebagai jalan terbaik untuk merapat silaturahim sesama negara. Ini kerana melalui sukan - Sukan Sea - semua rakyat dari pelbagai negara di rantau ini tanpa mengira ras dan agama dapat menjalinkan perpaduan, sekalipun di arena politik memperlihatkan barisan pemimpin tidak sehaluan dalam banyak perkara.

Kini, Sukan Sea iaitu temasya yang menjadi kebanggaan rakyat rantau ini, sudah berlangsung sebanyak 20 kali. Melibatkan kepada tempoh itu, sudah sewajarnya menjadikan kita lebih dewasa dan profesional agar sukan yang menjadi kemegahan di rantau ini dapat dipelihara dalam menjalinkan semangat perpaduan sesama sendiri. Inilah hasrat dan aspirasi barisan pemimpin terdahulu ketika sama-sama duduk semeja untuk membentuk pakatan Asean. Benarlah kata pepatah terbilang 'bumi mana tidak ditimpa hujan' dan Asean memang tidak terkecuali atau sunyi daripada masalah sehingga kepada arena sukan sendiri.

Kerap kali, baik menjelang mahupun ketika berlangsungnya temasya Sukan Sea, pasti ada sahaja masalah hebat timbul sehinggakan boleh mewujudkan ketegangan kepada negara-negara terbabit. Kini, kira-kira 62 hari lagi temasya Sukan Sea akan bermula, tuan rumah Malaysia dan Thailand terikat dengan 'perang dingin' gara-gara 'keras kepala' pegawai-pegawai Persekutuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) dan Persatuan Sepaktakraw Thailand (TAT). Kedua-dua badan itu kini memang 'bertegang leher' kerana diheret dengan isu besar berhubung dengan pemilihan bola takraw serta kaedah kiraan mata pada Sukan Sea, September ini.

Dua masalah ini timbul serta menjadi hangat disebabkan kelemahan ketara pegawai-pegawai PSM sendiri. Disebabkan kelemahan PSM itu, membolehkan

musuh tradisi, Thailand yang memang diakui menguasai sepenuhnya Persekutuan Sepaktakraw Asia (Astaf) dan Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (Istaf), menggunakan kedudukan ini untuk memanipulasikan sukan berkenaan dengan hasrat memalukan Malaysia. Sukan tradisi yang satu ketika dahulu menjadi kebanggaan rakyat Malaysia, kini sudah berpindah kepada Thailand selepas mereka menguasai permainan itu dalam Sukan Sea dan seterusnya di peringkat dunia. Selepas bergelar juara dunia, pegawai-pegawai TAT tanpa berlengah dan terus mengaibkan pegawai-pegawai PSM dengan menguasai pula Astaf dan Istaf. Kedudukan ini sekali gus menjadikan pegawai PSM lebih terhina kerana suara mereka yang lantang sejak sekian lama sudah 'tidak laku' dan mereka juga tidak bermaya untuk menentang keangkuhan pegawai Thailand yang menerajui Astaf dan Istaf.

Lihatlah betapa 'kuasa' memainkan peranan dalam menentukan segala hal. Apabila kita sudah hilang kuasa seperti apa yang dilalui oleh PSM, penangannya memang cukup menyeksakan dan memalukan. Suara pegawai-pegawai PSM baik dalam mesyuarat Astaf mahupun Istaf kini umpama 'anjing menyalak bukit'. Sekalipun suara itu bernas dan baik, pegawai-pegawai Thailand dan konco-konconya tidak ambil peduli dan menganggap idea dari Malaysia itu boleh diterapkan dalam tong sampah. Begitulah senario PSM hari ini yang sudah 'hilang kuku' dan penguasaan Thailand dalam Astaf dan Istaf menjadikan mereka berleluasa untuk bertindak apa sahaja asalkan Malaysia terus dimalukan. Alangkah aib seluruh pegawai PSM sekarang. Mungkin senario semasa inilah, membuatkan ada pegawai PSM mengambil keputusan tidak hadir dalam beberapa mesyuarat penting Astaf dan Istaf. Ini satu lagi sikap tidak terpuji pegawai berkenaan yang sudah kalah sebelum berjuang. Sekalipun, Thailand memang menguasai dua badan berkenaan, kita tidak sepatutnya bersikap negatif dengan tidak menghadiri mesyuarat terbabit. Masakan idea yang terbaik tidak berupaya menambat hati perwakilan lain. Di sinilah letaknya bagaimana kebijaksanaan kita meyakinkan perwakilan lain untuk menyokong idea terbaik kita itu.

Inilah antara kelemahan paling ketara pegawai-pegawai kita. Disebabkan mereka tidak hadir mesyuarat berkenaan, ia menjadi lebih mudah bagi Thailand untuk melaksanakan beberapa 'taktik kotor' bagi memastikan mereka terus menguasai sukan sepaktakraw. Keangkuhan dan niat jahat mereka memang ketara. Ini dapat kita lihat dalam kaedah kiraan mata. Pada kongres Istaf November tahun lalu, sudah diputuskan kaedah kiraan baru 21 mata diguna pakai pada Sukan Sea di Kuala Lumpur. Bagaimanapun, selepas menyedari kaedah 21 mata yang mereka sendiri mahukan tidak memberikan keuntungan kepada Thailand, mereka kemudian memutuskan kaedah kiraan lama 15 mata digunapakai pada Sukan Sea XXI. Apa semuanya ini?. Apakah dengan menguasai badan induk dunia itu, sekali gus membolehkan Thailand sesuka hati membuat pindaan? Ini sudah melampau dan boleh disifatkan sebagai kurang ajar.

Tidakkah pelik dan hairan? Kongres Istaf sudah membuat ketetapan bahawa kaedah 21 mata diguna pakai pada Sukan Sea, tetapi mereka boleh memutarbelitkan kedudukan ini untuk kembali menggunakan kaedah lama 15 mata selepas menyedari kaedah 21 mata boleh menggugatkan peluang mereka untuk mempertahankan pingat emas Sukan Sea. Apakah kita boleh berdiam diri dengan taktik kotor pihak lawan itu? Di mana maruah pegawai-pegawai kita dan sejauhmana mereka akan 'berjuang' habis-habisan untuk mempertahankan keputusan kongres pada November tahun lalu? Kita berharap misi yang diketuai Setiausaha Agung PSM, Syed Yazid Syed Abdan bersama Tengku Adnan Tengku Burhanudin dan Kamshah Abu Bakar selaku delegasi Malaysia ke kongres tergepar Istaf di Bangkok hari ini, berjaya membawa khabar gembira dalam mempertahankan kaedah 21 mata dikekalkan di Sukan Sea.

Bagaimanapun, tamparan paling hebat kini ialah apabila Thailand melalui Istaf memutuskan bola jenama Marathon buatan negaranya menjadi bola rasmi acara sepaktakraw Sukan Sea, September ini. Keputusan ini disampaikan

kepada Setiausaha MOM, Datuk Sieh Kok Chi, Mei lalu. Ketetapan ini sekali gus menjadikan jenama buatan tempatan yang berpangkalan di Sungai Petani, Gajah Emas diketepikan. Banyak pihak memang berang dengan sikap Kok Chi yang mempertahankan keputusan Istaf menjadikan bola jenama Marathon sebagai bola rasmi Sukan Sepaktakraw. Baginya, Istaf sudah membuat ketetapan memilih jenama Marathon dan MOM tidak dapat menolaknya. Kita bangkang sama sekali dengan sikap Kok Chi yang jelas macam 'pak turut' dan ikut apa sahaja kehendak Thailand. Sepatutnya beliau perlu mengambil kira kedudukan kita sebagai tuan rumah yang sedikit sebanyak mempunyai hak untuk menentukan kedudukan ini. Mengapa harus tunduk dengan kerenah mereka? Sudahlah kita dimalukan dengan tindakan Thailand mahu mengubah kaedah kiraan mata yang sudahpun diputuskan pada mesyuarat kongres Istaf tahun lalu, kini MOM pula mahu tunjuk baik dan menerima jenama Marathon buatan Thailand sebagai bola rasmi Sukan Sea. Sikap pegawai MOM itu sungguh mengaibkan.

Kita memang akui, Istaf berhak menentukan jenis bola yang harus diguna pakai tetapi kedudukan kita sebagai tuan rumah juga mempunyai hak untuk menentukan bola buatan tempatan yang tidak kurang standard dan layak dijadikan bola rasmi Sukan Sea. Lainlah kalau kejohanan itu dianjurkan oleh Astaf atau Istaf dan mereka berhak menentukan jenama Marathon diguna pakai sebagai bola rasmi kejohanan. Sukan Sea bukan anjuran Istaf dan mereka hanya boleh mencadangkan ketetapan dan bukan mempunyai kuasa veto untuk mengarahkan tuan rumah, Malaysia agar menerima cadangan berkenaan. Sebagai tuan rumah, kita selalunya mempunyai kelebihan menguruskan perjalanan temasya dan mungkin boleh mengatur beberapa strategi sulit untuk memastikan kemenangan dalam acara-acara tertentu.

Nampaknya sikap pegawai MOM itu jelas bercanggah dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan rakyat Malaysia mengutamakan barangan keluaran tempatan. Sesungguhnya saranan Dr Mahathir itu menjadi sia-sia apabila orang Malaysia sendiri memperlekehkan kata-kata perdana menteri itu. Kita hairan mengapa soal penentuan bola takraw antara Gajah Emas dan Marathon untuk Sukan Sea menjadi masalah besar. Kenapa kita harus tunduk kepada kemahuan orang luar? Kita memang akui, baik Astaf dan Istaf yang memang dikuasai musuh tradisi, Thailand mendapat sokongan majoriti untuk menggunakan jenama Marathon tetapi MOM tidak boleh lemah dan menerima bulat-bulat cadangan itu tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini. Apakah pegawai MOM juga sudah 'hilang akal' dan tidak boleh berfikir panjang impak dari keputusan menggunakan bola buatan negara luar sedangkan bola jenama sendiri, Gajah Emas diperakui Sirim. Malah, lebih daripada itu, bola Gajah Emas pernah digunakan dalam empat Sukan Sea (1981, 1983, 1987 dan 1989). Jadi, kenapa Kok Chi melatah tidak tentu pasal?

Sudahlah pegawai-pegawai PSM sendiri tiada lagi kuku dan tidak punya suara dalam Astaf dan Istaf, kini pegawai-pegawai yang mendokong MOM juga seolah-olah macam 'hilang ingatan' dan tidak berupaya membantu memperjuangkan perkara ini. SGF juga diketuai oleh orang Malaysia, Tuanku Imran. Tidak ada sebab kita harus tunduk. Kesempatan Sukan Sea di tempat sendiri adalah masa terbaik kita mengutamakan barangan buatan tempatan. Kalau pegawai MOM yang diberi tanggungjawab juga 'lembik lutut', ia adalah satu malapetaka terhadap sukan Malaysia secara keseluruhan. Bagi kita, jika MOM termasuk KBS yang diterajui Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein tidak melakukan sesuatu untuk mempertahankan penggunaan jenama buatan Malaysia - Gajah Emas - kita boleh menganggapnya gagal dalam tugas sebagai orang nombor satu dalam sukan tanah air. Jika ini berlaku, kita berpendapat ada baiknya menteri berkenaan dan seluruh pegawai MOM agar mengundur diri untuk memberi peluang orang lain yang benar-benar mempunyai semangat ke-Malaysiaan tulen mengisi tempat mereka.

Apa guna jadi rakyat Malaysia, sekiranya hati kita tidak tulus dan telus dalam memperjuangkan hak kita sebagai rakyat Malaysia.

Apalah hendak jadi dengan pegawai-pegawai sukan Malaysia, semuanya sudah 'lembik lutut'. Kalau beginilah sikap pegawai-pegawai sukan negara baik di KBS, MOM, MSN sehinggalah kepada persatuan sukan kebangsaan, alamat jahanamlah sukan negara kerana diterajui oleh mereka sudah tidak ada lagi jati diri dan semangat Malaysia tulen. Tanda-tanda kesetiaan pada negara dalam diri segelintir rakyat negara ini memang sudah hilang dan buktinya memang ada apabila ada rakyat kita boleh meminta bantuan orang luar dan sanggup 'membuka pekung di dada' asalkan kepentingan diri dipenuhi. Ini sekali gus menjual maruah dan menggadai negara sendiri. Kalaupun kedudukan ini tidak dibendung, tidak mustahil Malaysia boleh porak peranda dan mungkin menjadi negara yang kucar-kacir.

Sayugia diingatkan, kalau Datuk Hishammuddin tidak menangani isu penggunaan jenama tempatan dalam acara sepaktakraw Sukan Sea di tempat sendiri, siapa mahu selesaikan? Takkanlah perkara seumpama inipun, kita kena tunggu hingga Perdana Menteri campur tangan. Kalau Hishammuddin tidak mampu, ia boleh disifatkan satu kegagalan yang tidak boleh dimaafkan. Cukuplah kita dimalukan selepas Malaysia gagal menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 yang menyaksikan Doha dipilih menganjurkannya. Tepuk dada tanya selara...

(END)